



24 OCT, 2024

JKDM Pahang rampas rokok, minuman keras bernilai RM2.69 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM Pahang rampas rokok, minuman keras bernilai RM2.69 juta

Kuantan: Sejumlah RM2.69 juta nilai rokok dan minuman keras dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang dalam serbuan di dua gudang di Taman Perindustrian Perdana, Bukit Palong, Lukut di Negeri Sembilan 28 September lalu.

Pengarahnya Mohd Asri Seman berkata, daripada jumlah itu, pihaknya menyita rokok dan minuman keras tidak berkastam bernilai RM351,657 dan RM2.33 juta membabitkan jumlah cuti dan duti.

Katanya, dalam kes pertama, bertindak atas maklumat awam, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Stesen Kuantan melakukan serbuan di sebuah Gudang.

"Hasil pemeriksaan, kami menemukan 3,156,691 batang rokok pelbagai jenis dengan nilai RM286,118 manakala jumlah cukai dan duti dianggarkan RM2.11 juta.

"Pengimportan rokok memerlukan lesen import dan setem cukai yang di-

luluskan Ketua Pengarah Kastam melalui kaedah yang ditetapkan mengikut Peraturan 42(1), Peraturan Kastam 2019," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Jalan Bank, di sini semalam.

Bagi kes kedua di sebuah gudang di taman perindustrian sama pada jam 2 petang, Mohd Asri berkata, premis itu menjalankan kerja pemprosesan, pengilangan dan penyimpanan minuman keras disyaki tanpa lesen.

Katanya, hasil pemeriksaan itu, sebanyak 3,928.40 liter minuman keras pelbagai jenis dan jenama yang disyaki tidak berkastam dirampas dengan nilai RM65,538 manakala jumlah cukai dan duti dianggarkan RM227,597.

"Bagi kes rokok, kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 manakala Seksyen 20(1) Akta Eksais 1976 pula membabitkan kes minuman keras," katanya.



24 OCT, 2024

JKDM Pahang rampas rokok, minuman keras bernilai RM2.69 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Ku a n t a n : Sejumlah RM2.69 juta nilai rokok dan minuman keras dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang dalam serbuan di dua gudang di Taman Perindustrian Perdana, Bukit Palong, Lukut di Negeri Sembilan 28 September lalu. Pengarahnya Mohd Asri Seman berkata, daripada jumlah itu, pihaknya menyita rokok dan minuman keras tidak berkastam bernilai RM351,657 dan RM2.33 juta membabitkan jumlah cuti dan duti.